

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	4 February 2016

Najib perlu tumpu usaha pacu pertumbuhan ekonomi

KUALA LUMPUR 3 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kini perlu menumpukan sepenuhnya kepada usaha memacu pertumbuhan ekonomi negara selepas beliau disahkan tidak terlibat dalam isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Penganalisis ekonomi dari New York, Amerika Syarikat (AS), Richard McManus berkata, Najib dan Barisan Nasional (BN) sewajarnya meneruskan pelaksanaan dasar liberalisasi perdagangan serta buruh.

Menurut beliau, dasar tersebut akan merangsang pertumbuhan ekonomi sekali gus menjadikan Malaysia sebuah hab perdagangan antarabangsa dan pemangkin pertumbuhan serantau.

"Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang dituluskan di Parlimen minggu lalu berupaya menarik lebih banyak syarikat asing dan pada masa sama, melonjakkan daya saingnya dari segi perdagangan antarabangsa.

"Selain itu, Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang diwujudkan semasa Malaysia masih mempengetusikan ASEAN pada Disember lalu juga membuka lebih banyak peluang kepada pekerja di negara ini," katanya melalui ruangan surat pembaca yang disiarkan portal *The Diplomat* (<http://thediplomat.com>) semalam.

Kelmarin, Pejabat Peguam Negara Switzerland menjelaskan, Najib tidak terlibat dalam siasatan

agensi itu terhadap 1MDB.

Terdahulu, pada 26 Januari lalu, Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali memberitahu, pihaknya berpuas hati bahawa tiada kesalahan dilakukan oleh Perdana Menteri berhubung isu dana RM2.6 bilion dan SRC International Sdn. Bhd.

McManus juga percaya Malaysia masih berupaya mencapai status negara maju yang disasarkan pada 2020 walaupun berdepan situasi krisis ekonomi yang turut melanda seluruh dunia.

Beliau memberitahu, keyakinan itu adalah berdasarkan kepada peningkatan pendapatan per kapita rakyat di negara ini kepada AS\$10,538 (RM44,423) pada 2013 berbanding AS\$7,277 (RM 30,684) pada 2009.

"Reformasi ekonomi yang diperkenalkan Najib khususnya peraturan gaji minimum telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan per kapita," jelasnya.

McManus yang mempunyai pengalaman lima tahun bekerja di negara-negara ASEAN berkata, pencapaian ekonomi dan kewibawaan kepemimpinan Malaysia di bawah pentadbiran Najib akan memudahkan misinya untuk memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14.

Pada masa sama, beliau menjelaskan, Malaysia mesti mencari jalan penyelesaian yang berkesan bagi membanteras ekstremisme di rantau ini.

Um - 4/2/2016